

Lembaran baharu hubungan dua hala Malaysia-Russia

Lawatan Sultan Ibrahim ke Russia atas jemputan Putin rancak kerjasama pelbagai bidang

Kuala Lumpur: Keberangkatan Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim ke Russia untuk Lawatan Negara atas jemputan rasmi Presiden, Vladimir Putin, membuka lembaran baharu dalam hubungan dua hala Malaysia dengan negara itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata lawatan yang bermula hari ini hingga Ahad ini, dijangka merencanakan kerjasama strategik dalam pelbagai bidang, termasuk perdagangan dua hala, pelaburan, pendidikan tinggi, teknologi dan inovasi serta hubungan antara rakyat.

"Malaysia berpotensi menarik pelaburan serta teknologi baharu daripada Russia, khususnya dalam sektor tenaga, aeroangkasa, pertahanan dan pertanian pintar sejajar dengan agenda Ekonomi MADANI yang menekankan daya saing, kemampanan dan kemakmuran bersama," katanya menerusi hantaran di Facebook, semalam.

Perdana Menteri berkata, lebih penting lagi, Lawatan Negara itu mengukuhkan peranan Institusi Diraja Malaysia sebagai pemacu

diplomasi negara yang dihormati pada peringkat antarabangsa, sekaligus memperteguhkan kedaulatan dan imej Malaysia sebagai negara yang berkecuali, terbuka dan progresif.

Beliau berkata, lawatan itu amat bersejarah dan signifikan, menjadikan Seri Paduka Baginda sebagai Ketua Negara Malaysia pertama menjejaskan kaki ke Russia bagi Lawatan Negara sejak hubungan diplomatik kedua-dua negara dimeterai pada tahun 1967.

"Ia melambangkan kedudukan Seri Paduka Baginda sebagai lambang perpaduan negara yang turut memainkan peranan strategik dalam memperkukuh hubungan antarabangsa Malaysia," katanya.

Terdahulu, Anwar mengiringi Sultan Ibrahim ke Istiadat Mengucapkan Selamat Berangkat Sempena Lawatan Negara, di Pangkalan Udara Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang.

Kemuncak hubungan diplomatik

Sementara itu, Duta Besar Malaysia ke Russia, Datuk Cheong Loon Lai, menyifatkan lawatan itu menjadi kemuncak hubungan diplomatik antara kedua-dua negara dan kunjungan tertinggi pernah dilakukan serta yang pertama Malaysia ke Russia sejak terjalinnya hubungan diplomatik pada April 1967.

"Lawatan Negara Seri Paduka Baginda atas undangan Presiden Russia, Vladimir Putin adalah pengiktirafan kepada hubungan diplomatik yang berlangsung selama lima dekad dengan Malaysia menjadi antara negara ASEAN terawal menjalinkan hubu-

ngan dengan Kesatuan Soviet pada ketika itu.

"Lawatan ini juga menunjukkan peranan institusi Yang di-Pertuan Agong yang sangat penting dalam konteks hubungan antarabangsa," katanya kepada, di sini malam kelmarin sempena Lawatan Negara Sultan Ibrahim.

Loon Lai berkata, Seri Paduka Baginda dijadual disambut dalam Istiadat Sambutan Negara di Kremlin sebelum mengadakan pertemuan rasmi bersama Putin serta menghadiri Majlis Santapan Negara yang dihoskan Presiden Russia itu.

Seri Paduka Baginda turut dijadual melawat Pusat Pembangunan Teknologi Automotif Russia (NAMI) serta Pameran Teknologi dan Inovasi di Tochka Kipeniya.

Sultan Ibrahim akan berangkat ke Kazan, iaitu bandar kelima terbesar di Russia dan berkenan menerima menghadap Rais Republik Tatarstan, Rustam Minnikhanov dan kedua-dua pihak dijangka membincangkan potensi kerjasama dalam sektor perdagangan, pelaburan, industri halal serta teknologi pertanian.

Seri Paduka Baginda juga dijadual berangkat ke resepsi yang dihoskan Minnikhanov dan melawat Kilang Helikopter Kazan bagi meninjau operasi pembuatan helikopter awam, pertahanan serta penyelamat.

Russia adalah rakan perdagangan kesembilan terbesar Malaysia dalam kalangan negara Eropah dan ke-28 di peringkat global dengan nilai dagangan dua hala mencecah RM11.46 bilion pada 2024.

BERNAMA